



SIARAN AKHBAR

KENYATAAN DASAR BDCB 2/2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini telah mengeluarkan kenyataan dasar BDCB yang kedua bagi tahun 2022.
2. Di dalam Kenyataan Dasar 2/2022 tersebut, BDCB mengongsikan bahawa International Monetary Fund (IMF) telah mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2022 pada kadar 3.2% dan unjuran pertumbuhan bagi tahun 2023 pula menurun daripada 2.9% ke 2.7%. Pengemaskinian ini mengambil kira perkembangan ekonomi global yang semakin merosot didorong oleh pelbagai kejutan terhadap ekonomi dunia yang masih belum pulih sepenuhnya daripada kesan pandemik COVID-19. Ini termasuk pertumbuhan ekonomi Republik Rakyat China yang lebih perlahan disebabkan kes-kes COVID-19 yang berlarutan dan peraturan ketat COVID-19, serta isu hartanah negara tersebut; kadar inflasi global yang lebih tinggi daripada jangkaan, terutamanya di beberapa ekonomi utama dan maju; dan kesan negatif daripada konflik Ukraine-Rusia.
3. Sementara itu, ekonomi domestik telah mencatat penurunan sebanyak 4.3% bagi separuh pertama tahun 2022. Kadar inflasi domestik dan global kekal tinggi dalam tempoh terdekat. Mengambil kira dasar monetari Negara Brunei Darussalam serta persamaan nilai dolar Brunei dengan nilai dolar Singapura, beberapa langkah pengetatan dasar monetari yang telah dilaksanakan oleh Monetary Authority of Singapore (MAS) pada tahun ini dijangka akan mengurangkan impak kadar inflasi yang diimport kepada ekonomi domestik. Unjuran inflasi BDCB bagi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2022 adalah dalam lingkungan 3.5% hingga 4.5%.
4. BDCB juga memaklumkan bahawa sektor kewangan merekodkan kadar pertumbuhan nilai aset keseluruhan sebanyak 5.9% tahun-ke-tahun dengan nilai berjumlah BND24.8 bilion pada suku ketiga tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, aset kewangan Islam adalah sebanyak 60.3% iaitu BND15.0 bilion. Sebanyak 92.6% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan adalah daripada institusi-institusi penerima deposit dengan nilai aset berjumlah BND23.0 bilion.
5. Kenyataan dasar tersebut juga mengongsikan bahawa modal industri perbankan pada suku ketiga tahun 2022 kekal kukuh dan berdaya tahan dengan agregat Capital Adequacy Ratio sebanyak 20.1%. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan ketidakpastian pasaran global, keuntungan industri perbankan telah merekodkan penurunan pada suku ketiga tahun 2022 dengan agregat nisbah Pulangan kepada Aset (Return on Assets) dan Pulangan kepada Ekuiti (Return on Equity) sebanyak masing-masing 1.1% dan 8.4%, berbanding dengan 1.5% dan 9.5% pada tahun sebelumnya.
6. Sebagai usaha berterusan BDCB untuk memperkukuhkan pemantauan dan mengurangkan sebarang kemungkinan kejadian penipuan di sektor kewangan, Notis bagi Pelaporan Kejadian

Penipuan telah diperkenalkan kepada bank-bank, syarikat kewangan, syarikat insurans dan pengendali takaful.

7. Guidelines on Operational Risk Management juga telah dikeluarkan kepada semua bank. Garispanduan ini mengandungi prinsip dan amalan baik dalam pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi perbankan. Selain itu, Notice on Maintenance of Capital Adequacy Ratio telah diperkenalkan kepada syarikat-syarikat kewangan untuk memastikan tahap modal adalah mencukupi terhadap risiko-risiko yang dikenalpasti di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal.
8. Seterusnya, garispanduan yang sedia ada, iaitu Garispanduan Pengurusan Risiko Penipuan Insurans dalam Insurans dan Takaful, bagi pengendali takaful dan syarikat insurans telah dikemaskini sebagai panduan mengenai amalan pengurusan risiko secara efektif bagi mengenalpasti dan mengurangkan pendedahan risiko terhadap insiden penipuan takaful/insurans. Bagi menggalakkan operasi perniagaan takaful yang cekap dan dana takaful yang mampan, sambil melindungi kepentingan peserta takaful, satu rangka kerja pengurusan dana takaful dan dana pemegang saham, iaitu Notis mengenai Penubuhan dan Penyelenggaraan Dana Takaful bagi Pengendali Takaful, telah dikeluarkan untuk menggalakkan keselarasan dalam menjalankan perusahaan takaful.
9. BDCB juga telah mengeluarkan garispanduan piawaian Syariah bagi Tawarruq, Murabahah, Wakalah dan Mudharabah sebagai rujukan institusi-institusi kewangan dalam menstruktur **produk atau perkhidmatan kewangan menurut Hukum Syara'**. Ini adalah untuk memastikan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kewangan Islam adalah setaraf dengan amalan terbaik antarabangsa.
10. Selain itu, BDCB telah memperkenalkan Notis Proses Permohonan Produk Islam yang bertujuan untuk menerangkan proses kebenaran bagi permohonan produk kewangan Islam. Bagi memudahcara sebarang permohonan kebenaran produk takaful seperti yang digariskan dalam notis berkenaan, Guidelines on Product Development and Pricing telah dikeluarkan.
11. Pengecualian yuran dan caj untuk pemindahan dana antara bank-bank tempatan secara dalam talian yang diperkenalkan sejak 1 April 2020 adalah bertujuan untuk memberikan alternatif yang selamat bagi pelanggan-pelanggan bank membuat pembayaran semasa penularan wabak COVID-19. Peningkatan dalam jumlah transaksi menggunakan sistem Real-Time Gross Settlement (RTGS) adalah sebanyak 91.7% tahun-ke-tahun bagi tempoh Januari hingga Oktober 2022 berbanding dengan tahun sebelumnya. Sementara itu, jumlah pemindahan kredit langsung (direct credit) dalam sistem Automated Clearing House (ACH) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 54.1% tahun-ke-tahun bagi tempoh yang sama. Mengambil kira tempoh pengecualian ini akan berakhir pada 31 Disember 2022, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menyemak terlebih dahulu yuran dan caj-caj yang dikenakan oleh bank mereka masing-masing selepas tempoh pengecualian tersebut berakhir nanti.
12. Kenyataan Dasar BDCB 1/2022 yang lengkap boleh didapati di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB di talian 8318388, atau melalui emel di info@bdcg.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 19 Jamadilawal 1444H/ 13 Disember 2022

Ruj: BDCB/COMMS/3